



MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP

BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD

(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

The Observer

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti kini di LinkedIn. Keberadaan MSWG di LinkedIn bertujuan meningkatkan kehadiran kami dalam media sosial selain menggalakkan penglibatan yang lebih berkesan dengan pihak berkepentingan.

Ikuti akaun LinkedIn MSWG di <https://www.linkedin.com/company/mswg-malaysia/> dan akaun Twitter MSWG di @MSWGMalaysia untuk anda kongsi pendapat dengan kami dari semasa ke semasa.

17.02.2023

❖ Sekatan CBP ditarik balik – kejutan buat PLC yang tepat pada masanya supaya memandang serius terhadap ESG

Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (*US Customs and Border Protection, CBP*) pada dasarnya telah menarik balik Perintah Sekatan Pelepasan (*Withhold Release Order, WRO*) yang menghalang produk berkaitan minyak sawit keluaran Sime Darby Plantation Berhad (SDP) daripada memasuki Amerika Syarikat (AS) sejak dua tahun lalu. Ini adalah kejayaan bagi pengusaha dan perjuangan untuk mempromosikan model perniagaan yang mampan dalam kalangan syarikat awam tersenarai (*public limited companies, PLC*) Malaysia secara umum.

Mengimbas kembali peristiwa yang berlaku pada bulan Disember 2020, yang mana CBP AS telah membangkitkan isu “buruh paksa” terhadap SDP dengan mengenakan tindakan WRO ke atas Syarikat tersebut yang pada asasnya menghalang produk minyak sawit Syarikat daripada memasuki AS.

Keputusan itu dibuat berdasarkan maklumat atau bukti yang mencukupi, walaupun tidak konklusif, yang dicituskan oleh petisyen yang dihantar kepada CBP AS pada bulan April 2020 oleh pertubuhan bukan kerajaan (*non-governmental organisation, NGO*) Liberty Shared.

Sekatan ini berlarutan sehingga 3 Februari tahun ini apabila CBP AS “mengubah suai” WRO untuk membenarkan SDP menyambung semula eksport produk minyak sawitnya ke AS.

Walaupun secara komersil, AS adalah pasaran yang kecil untuk SDP, yang menyumbang kurang daripada 5% daripada pendapatannya pada tahun kewangan 2021, sekatan itu telah mencetuskan kebimbangan terhadap imej SDP dari perspektif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*), terutamanya yang berkaitan penarafan ESGnya.

Oleh yang demikian, reputasi SDP sedang dipertaruhkan, lebih-lebih lagi apabila Syarikat mendabik dada sebagai pengeluar minyak sawit bertauliah terbesar di dunia. Sebarang sekatan dan dakwaan berpotensi menjejaskan atau memusnahkan nama baik Syarikat seperti yang dicanangkan.

Siapa lagi selain SDP?

Sejurus selepas sekatan dikenakan oleh CBP, SDP melaksanakan banyak perubahan dalam amalan dan piawaiannya yang berkaitan buruh. Penanam juga memperkenalkan beberapa langkah baharu dalam industri sebagai sebahagian daripada tindakan untuk memperbaharui komitmennya.

Selain SDP, pengeluar sarung tangan iaitu YTY Industry Holdings Sdn Bhd dan semua anak syarikatnya juga menarik nafas lega apabila CBP AS mengumumkan pengubahsuaian terhadap WROnya, yang kemudiannya membolehkan penghantaran semula produk sarung tangan sekali guna buatan Kumpulan ke AS.

Walaupun kumpulan itu sedang dalam proses memaklumkan kepada pelanggan AS tentang perkembangan positif ini dan berusaha mengukuhkan semula hubungan bekalannya yang telah lama terjalin dengan mereka, ia bagaimanapun mengakui bahawa penguatkuasaan WRO oleh CBP AS ini telah mengukuhkan komitmennya untuk mendukung piawai buruh antarabangsa dalam masa terdekat.

Terdahulu pada 9 September 2021, CBP AS juga mengubah suai penemuannya tentang amalan buruh paksa dalam Top Glove Corporation Berhad, yang akan membenarkan pengeluar sarung tangan terbesar di dunia itu menyambung semula pengimportan sarung tangan pakai buang yang dibuat di kilang Top Glove di Malaysia.

Apabila difikirkan semula, Top Glove mengakui bahawa sekatan selama setahun yang dikenakan oleh pihak berkuasa kastam AS ke atas eksport Top Glove ke negara Uncle Sam itu menjadi "panggilan kejut" bagi pengilang sarung tangan perubatan terbesar di dunia untuk mengelakkan kesulitan yang sama pada masa hadapan.

Namun, yang paling utama, pihak pengurusan Top Glove menyatakan bahawa sekatan itu memberikan pengalaman dan pengajaran yang meningkatkan penanda ESG syarikat dalam menangani dakwaan buruh paksa.

Pengalaman itu mendorong Top Glove untuk mengambil pelbagai inisiatif ke arah menangani kebimbangan yang berkaitan buruh paksa dengan menaik taraf kemudahan asrama untuk pekerja asingnya, yang menyumbang sebahagian besar kepada tenaga kerja di kilangnya. Top Glove juga berjanji untuk membayar pampasan untuk yuran yang telah mereka bayar kepada ejen pekerjaan di negara asal mereka.

Pengilang sarung tangan besar lain seperti Hartalega Holdings Berhad dan Kossan Rubber Industries Berhad juga mengambil tindakan serupa dengan membayar balik yuran, yang didakwa oleh aktivis buruh akan mengakibatkan buruh terikat dengan hutang.

Pengajaran buat kita

Pada skala yang lebih besar, agenda ESG ini dengan fokus utama kepada kemampuan akan terus diberikan keutamaan bagaimana SDP dan PLC lain menjalankan perniagaan mereka pada masa hadapan.

Oleh yang demikian, aspek sosial dalam spektrum ESG memerlukan sektor ekonomi yang sangat bergantung kepada buruh asing, contohnya, pembuatan dan perladangan, untuk memberikan keutamaan terhadap dua perkara ini iaitu:

- Melakukan perkara yang betul secara bermoral kerana cara kita melayan orang lain mencerminkan identiti kita sebagai sebuah syarikat dan warga negara.
- Pelabur dan pihak berkepentingan pada masa kini lebih cakna tentang keadilan sosial, tadbir urus korporat dan penyelewengan korporat. Oleh itu, tindakan menangani kebimbangan mereka akan menjadi cerminan yang baik untuk profil syarikat, prestasi pendapatan, keuntungan dan reputasi syarikat. Lebih-lebih lagi, kini pelabur boleh memilih untuk menjauhkan diri daripada syarikat yang melanggar amalan ESG.

Devanesan Evanson
Ketua Pegawai Eksekutif

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 20 hingga 24 Februari 2023

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
20.02.23 (Isnin) 2.30 petang	WCE Holdings Berhad	EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi cadangan pelupusan keseluruhan 40% kepentingan ekuiti dalam Radiant Pillar Sdn Bhd yang dipegang oleh WCE Holdings Berhad ("WCEHB" atau "Syarikat") dan anak-anak syarikatnya kepada IJM Properties Sdn Bhd dengan balasan pertimbangan tunai berjumlah RM494 juta.
22.02.23 (Rabu) 10.00 pagi	CEKD Berhad	CEKD menyaksikan pertumbuhan 7.9% dalam pendapatannya, kepada RM30.45 juta pada tahun kewangan 2022. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh sumbangan yang lebih tinggi daripada segmen pembuatan pada separuh kedua tahun kewangan 2022. Sementara itu, untung sebelum

		<p>cukaiinya meningkat sedikit sebanyak 1.2% kepada RM9.26 juta selepas penyelarasan perbelanjaan penyenaaraan tidak berulang berjumlah RM1.92 juta.</p> <p>85% daripada pendapatannya diperoleh daripada pasaran tempatan manakala baki 15% adalah daripada pasaran eksport.</p>
23.02.23 (Khamis) 10.00 pagi	Melati Ehsan Holdings Berhad	<p>Pada tahun kewangan 2022, Melati Ehsan mencatatkan peningkatan hampir lima kali ganda dalam untung sebelum cukai kepada RM26.14 juta berbanding RM4.570 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Prestasi yang membanggakan itu disumbangkan oleh segmen pembangunan hartanah dan projek pembinaannya.</p> <p>Selain itu, peningkatan keuntungan juga disumbangkan oleh pelupusan tanah yang dipegang untuk pembangunan hartanah.</p>
23.02.23 (Khamis) 11.00 pagi	Kuala Lumpur Kepong Berhad	<p>KLK menyaksikan pendapatannya meningkat 36.4% tahun ke tahun kepada RM27.15 bilion (tahun kewangan 2021: RM19.91 bilion). Bagaimanapun, untung bersihnya menyusut sedikit iaitu berjumlah RM2.17 bilion (tahun kewangan 2021: RM2.26 bilion).</p> <p>Prestasi pendapatan yang kukuh ini disumbangkan oleh harga minyak sawit mentah (<i>crude palm oil</i>, CPO) yang lebih tinggi, Namun, keuntungannya terjejas akibat peningkatan kos pengeluaran dan gaji.</p> <p>Bahagian pengilangan Kumpulan sekali lagi menyaksikan prestasi yang memecahkan rekod manakala bahagian hartanah menjadi penyumbang tetap kepada Kumpulan.</p>
23.02.23 (Khamis) 11.00 pagi	INSAS Berhad	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham Insas untuk melupuskan M&A Securities kepada SYF Resources Berhad pada</p>

		<p>harga RM222 juta yang akan dipenuhi melalui penerbitan kira-kira 1 bilion saham SYF pada harga terbitan 22 sen setiap satu.</p> <p>Setelah Cadangan Pelupusan M&A dimuktamadkan, Insas dan orang yang bertindak bersama-samanya (<i>persons acting in concert</i>, PAC) secara kolektif akan memegang 67.12% kepentingan ekuiti dalam SYF, seterusnya M&A Securities akan menjadi anak syarikat milik penuh SYF.</p>
23.02.23 (Khamis) 11.30 pagi	Fiamma Holdings Berhad	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 9.5% kepada RM369.98 juta pada tahun kewangan 2022 daripada RM338.02 juta setahun yang lalu, sebahagian besarnya didorong oleh segmen perdagangan dan perkhidmatan. Jualan daripada segmen-segmen ini mencatatkan peningkatan selepas sekatan berkaitan pandemik ditarik balik serta pembukaan semula ekonomi.</p> <p>Sementara itu, untung sebelum cukainya meningkat pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 5.6% kepada RM56.60 juta pada tahun kewangan 2022 daripada RM53.61 juta setahun yang lalu, terutamanya disebabkan oleh peningkatan kos pengeluaran, persaingan yang sengit dan kejatuhan nilai ringgit.</p>
23.02.23 (Khamis) 2.15 petang	Batu Kawan Berhad	<p>Selaras dengan prestasi kewangan anak syarikat utamanya iaitu Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK), Batu Kawan mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi berjumlah RM28.22 bilion pada tahun kewangan 2022, berbanding RM20.71 bilion pada tahun kewangan 2021.</p> <p>Untung sebelum cukainya meningkat 12% kepada RM3.44 bilion (tahun kewangan 2021: RM3.08 bilion).</p> <p>Untung sebelum cukai yang mencatatkan rekod ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh harga</p>

		<p>yang lebih kukuh serta jumlah jualan produk sawit yang lebih tinggi.</p> <p>Jika dikecualikan untung bukan operasi berjumlah RM503.84 juta daripada untung sebelum cukai bagi tahun kewangan 2021, untung sebelum cukai Kumpulan bagi tahun kewangan 2022 adalah 33% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya.</p>
24.02.23 (Jumaat) 10.00 pagi	Wellcall Holdings Berhad	<p>Pendapatan Wellcall meningkat kepada RM177 juta pada tahun kewangan 2022 daripada RM157 juta pada tahun kewangan 2021. Sementara itu, untung sebelum cukainya pada tahun kewangan 2022 menyusut sedikit kepada RM45 juta berbanding RM46 juta pada tahun kewangan 2021. Untung yang lebih rendah ini berpunca daripada peruntukan kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu.</p> <p>Syarikat menjangkakan untuk melihat pemulihan secara beransur-ansur dalam industri hos getah perindustrian.</p> <p>Permintaan terhadap hos getah perindustrian jenis rendah dan sederhana nampaknya meningkat, seperti yang dilihat dalam buku pesanannya yang semakin bertambah.</p>
24.02.23 (Jumaat) 11.00 pagi	EITA Resources Berhad	<p>EITA mencatatkan pendapatan berjumlah RM363.6 juta pada tahun kewangan 2022, berbanding RM302.4 juta bagi tahun kewangan 2021. Namun begitu, untung sebelum cukainya merosot sebanyak RM2 juta atau 7.4% kepada RM24.9 juta berbanding RM26.9 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Ini disebabkan oleh pemampatan margin bagi projek, kerugian nilai saksama ke atas derivatif dan penurunan nilai inventori yang lebih tinggi.</p>
24.02.23 (Jumaat) 2.30 petang	DIGI. Com. Berhad	<p>EGM ini bertujuan mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi:</p>

		<p>i) pembayaran yuran Pengarah dan manfaat kepada Pengarah Bukan Eksekutif</p> <p>ii) urus niaga berulang dengan pelbagai pihak berkaitan yang bersifat pendapatan atau perdagangan; dan</p> <p>iii) cadangan pertukaran nama daripada Digi.Com Berhad kepada CelcomDigi Berhad.</p>
--	--	---

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu penting untuk diketengahkan
WCE Holdings Berhad	<p>Laporan Penarafan RAM terhadap sukuk dijamin bagi Lebuh raya Pantai Barat yang diterbitkan pada 3 November 2022 menyatakan bahawa penyediaan sepenuhnya Lebuh raya Pantai Barat (<i>West Coast Expressway</i>, WCE) disasarkan pada 14 Mac 2025.</p> <p>Artikel Sin Chew bertarikh 6 Disember 2022 pula memetik kenyataan YB Tuan IR Izham bin Hashim, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor yang berkata WCE akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2025. Bagaimanapun, di halaman 10 dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 31 Januari 2023, dinyatakan bahawa projek WCE dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024.</p> <p>Sila jelaskan tarikh jangkaan siap bagi projek WCE ini.</p>
CEKD Berhad	<p>Kumpulan ini mempunyai tujuh operasi pembuatan, yang mana lima kilang berada di Kuala Lumpur dan dua lagi di Pulau Pinang. Pada tahun kewangan 2022, CEKD memperoleh sebuah kilang baharu untuk meluaskan kapasitinya dan telah mula beroperasi pada bulan Disember 2022. (Halaman 2, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah jumlah kapasiti pengeluaran dan kadar penggunaan purata untuk enam kilang ini pada tahun kewangan 2022?</p> <p>b) Berapakah jumlah kapasiti pengeluaran selepas perolehan kilang ketujuh pada bulan Disember 2022? Bilakah syarikat menjangkakan kilang ini dapat menjana keuntungan dan beroperasi pada kapasiti optimum?</p> <p>c) Siapakah pesaing terdekat syarikat anda di Malaysia dan apakah kelebihan daya saing CEKD berbanding mereka?</p>

Melati Ehsan Holdings Berhad	<p>Kos kewangan Kumpulan meningkat secara mendadak kepada RM2,056,902 pada tahun kewangan 2022 daripada RM30,160 pada tahun kewangan 2021 (Halaman 44, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Adakah Kumpulan menjangkakan kos kewangan akan kekal pada tahap yang sama atau lebih tinggi pada tahun kewangan 2023? Bagaimanakah perancangan Lembaga Pengarah untuk mengurus kos kewangan pada masa hadapan?</p>
Kuala Lumpur Kepong Berhad	<p>1. Penghutang dagangan Kumpulan yang dihapus kira meningkat kepada RM4.7 juta (2021: RM45,000) manakala penghutang lain yang dihapus kira berjumlah RM6.3 juta (Amaun ini tiada pada tahun kewangan 2021) (Halaman 120, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Apakah yang terkandung dalam penghutang perdagangan dan penghutang lain yang telah dihapus kira? Apakah langkah yang diambil untuk mendapatkan semula jumlah tersebut sebelum ia dihapus kira?</p> <p>2. Penurunan nilai inventori kepada nilai boleh realisasi bersih meningkat dengan ketara kepada RM285.8 juta (2021: RM34.8 juta) (Halaman 120, Laporan Tahunan 2022).</p> <p>Apakah inventori utama yang dikenakan penurunan nilai yang begitu besar? Adakah inventori yang diturunkan nilai ini masih boleh digunakan atau dijual?</p>
Fiamma Holdings Berhad	<p>Pendapatan segmen perdagangan dan perkhidmatan Fiamma meningkat sebanyak 9.1% kepada RM339.8 juta pada tahun kewangan 2022 daripada RM311.5 juta setahun yang lalu. Peningkatan ini disebabkan oleh jualan yang lebih tinggi berikutan sekatan berkaitan pandemik yang ditarik balik serta pembukaan semula ekonomi.</p> <p>a) Adakah Fiamma melaksanakan sebarang kenaikan harga pada tahun kewangan 2022? Jika ada, apakah purata kenaikan harga dari segi peratus? Adakah pertumbuhan pendapatan pada tahun kewangan 2022 dikaitkan dengan volum jualan atau kenaikan harga?</p> <p>b) Apakah jenama dan produk yang menjana jualan paling banyak bagi Kumpulan pada tahun kewangan 2022 dan yang manakah mencatatkan pertumbuhan tertinggi?</p> <p>c) Margin untung sebelum cukai segmen tersebut pada tahun kewangan 2022 adalah lebih rendah iaitu 15.7% berbanding 17.8% setahun yang lalu. Apakah prospek</p>

	margin keuntungan segmen pada tahun kewangan 2023? Adakah Kumpulan menjangkakan margin keuntungan akan menjadi sederhana atau stabil pada masa hadapan?
Batu Kawan Berhad	<p>Kumpulan menjangkakan bahagian Kimia Perindustrian akan berdepan cabaran pada tahun kewangan 2023 yang berpunca daripada kenaikan harga bahan mentah dan kos tenaga yang tinggi. (Halaman 41, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>Sejauh manakah Kumpulan dapat menyalurkan kenaikan harga bahan mentah dan kos tenaga yang tinggi kepada pelanggannya?</p>
Wellcall Holdings Berhad	<p>Kumpulan mencatatkan untung sebelum cukai (<i>profit before tax</i>, PBT) yang agak konsisten berjumlah RM45 juta bagi tahun kewangan 2022 berbanding PBT sebanyak RM46 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama pada tahun kewangan sebelumnya. PBT yang sedikit menyusut ini sebahagian besarnya disebabkan oleh peruntukan kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu.</p> <p>Syarikat bersekutu sebahagian besarnya terlibat dalam perniagaan pembuatan, pemasaran dan jualan kelengkapan dan hos komposit. Mengapakah ia mencatatkan kerugian? Apakah alasan di sebalik pertambahan peruntukan bagi kerugian rosot nilai ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu?</p>
EITA Resources Berhad	<p>Berdasarkan Buku Pesanan semasa, TransSystem Continental Sdn. Bhd. ("TSC") akan terlibat dengan beberapa projek dalam tempoh beberapa tahun akan datang, antaranya tiga kontrak utama yang diperolehi pada tahun 2022 daripada Tenaga Nasional Berhad dan Sarawak Energy Berhad. Sementara itu, syarikat akan terus membida untuk mendapatkan lebih banyak projek bagi mengukuhkan kedudukannya dalam pasaran. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2022)</p> <p>a) Berapakah jumlah nilai bagi tiga kontrak utama itu? Bilakah kontrak ini akan tamat? Berapakah jumlah buku pesanan semasa Kumpulan?</p> <p>b) Berapakah jumlah nilai bidaan? Apakah kadar kejayaan yang dijangkakan?</p>

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)

Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)

Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)
Clint Loh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (clint.loh@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.